

08 SEP 2001

PM UCAP TAHNIAH KEPADA PASUKAN NEGARA

PUTRAJAYA, 8 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengucapkan tahniah kepada pasukan negara yang telah memenangi pingat emas dalam acara ekuestrian lasak individu dan gimnastik pada Sukan SEA XXI.

Beliau berharap pasukan negara lain akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencatat kejayaan meraih pingat emas dalam pelbagai acara sukan yang berlangsung bermula hari ini hingga 17 Sept ini.

Dr Mahathir berkata beliau gembira kerana pasukan negara berhasil mendapat pingat emas sebelum acara perasmian sukan SEA malam ini.

"Bagus, tahniah kepada mereka, malam ini saya berasa gembira sikit pasal pada acara pembukaan dan dah dapat kemenangan," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan Perdana Menteri Thailand Thaksin Shainawatra yang baru tiba untuk lawatan sehari ke Malaysia hari ini.

Pingat emas pertama negara dimenangi menerusi pasukan gimnastik artistik lelaki yang diwakili Loke Yik Siang, Ng Shu Wai, Ooi Wei Siang, Mohd Irwan Miskob, Heng Wah Jing, Ong Kwang Tung dan Tarquin Wong Lei Kuan manakala yang keduanya melalui Datuk Kamaruddin Abdul Ghani dalam acara ekuestrian lasak individu.

Perdana Menteri sebelum itu mengadakan perjumpaan tertutup selama kira-kira setengah jam dengan Thaksin di kediaman rasmi beliau.

Kedua-dua pemimpin itu berbincang mengenai isu-isu dan hubungan dua hala kedua-dua negara.

-- BERNAMA

ZAI NJ AFY RHM